## Soalan-Soalan Lazim – BSN Giro/i Premium Akaun Syarikat

<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Soalan</th><th>Jawapan</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Apakah jenis Organisasi yang boleh membuka BSN Giro/i Premium Akaun Syarikat?</td><td>BSN Giro/i Premium Akaun Syarikat terbuka kepada Organisasi Berasaskan Perniagaan dan Organisasi Bukan Berasaskan Perniagaan.</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Apakah deposit permulaan minimum yang diperlukan untuk pembukaan akaun?</td><td>Deposit permulaan minimum untuk membuka BSN Giro/i Premium Akaun Syarikat ialah RM1,000 bagi kedua-dua jenis organisasi.</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Adakah terdapat baki minimum yang perlu dikekalkan dalam akaun?</td><td>Tiada baki minimum yang perlu dikekalkan dalam akaun (baki sifar).</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Adakah terdapat sebarang kadar keuntungan/ faedah yang ditawarkan untuk akaun ini?</td><td>Berkuat kuasa 13 September 2024, semua pelanggan sedia ada dan baharu bagi BSN Giro/i Premium Akaun Syarikat layak mendapat keuntungan/ kadar faedah yang ditawarkan oleh Bank tertakluk kepada baki yang dikekalkan dalam akaun.<br><br>Butiran keuntungan/ kadar faedah tersebut dipaparkan dalam laman web BSN.</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Bagaimanakah keuntungan/ faedah dikira?</td><td>Keuntungan/ Faedah dikira berdasarkan baki harian.<br><br>Keuntungan/ Faedah = Baki Harian x Kadar Keuntungan / Faedah x bilangan hari / 365 atau 366 hari<br><br><u>Illustrasi untuk keuntungan / faedah yang diperoleh:</u><br><br>Keuntungan / Faedah = RM85,000 x 0.50% x 1/365<br>= RM1.16 bagi 1 September 2024<br><br>
<table>
<tr><th>BULAN SEPT.</th><th>1HB</th><th>2HB</th><th>~</th><th>30HB</th></tr>
<tr><td>BAKI DALAM AKAUN (RM)</td><td>85,000</td><td>88,700</td><td>…</td><td>140,900</td></tr>
<tr><td>KADAR KEUNTUNGAN / FAEDAH (%)</td><td>0.50%</td><td>0.50%</td><td>…</td><td>1.00%</td></tr>
<tr><td>KEUNTUNGAN / FAEDAH (RM)</td><td>1.16</td><td>1.22</td><td>…</td><td>3.86</td></tr>
</table>
<br>Maka, jumlah keuntungan / faedah bagi bulan September adalah:<br>Keuntungan / Faedah = 1.16+ 1.22 + ……. + 3.86<br>Keuntungan / Faedah = RM100.26</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>Apakah kekerapan bagi pengkreditan keuntungan / faedah?</td><td>Keuntungan / Faedah akan dikreditkan ke dalam akaun secara bulanan.</td></tr>
<tr><td>7.</td><td>Adakah pencadang diperlukan bagi pembukaan akaun?</td><td>Tiada pencadang diperlukan semasa pembukaan akaun BSN Giro/i Premium Company Account.</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>Di mana boleh saya dapatkan Terma dan Syarat Produk?</td><td>Terma dan Syarat Produk boleh didapati dari laman web BSN, www.bsn.com.my.</td></tr>
<tr><td>9.</td><td>Apakah saluran yang disediakan sekiranya saya ingin mengetahui maklumat dengan lebih lanjut?</td><td>Untuk maklumat lanjut:<br>1. Layari laman web BSN www.bsn.com.my; atau<br>2. Kunjungi mana-mana Cawangan BSN berdekatan; atau<br>3. Hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN melalui talian 1300-88-1900 (Waktu Operasi : 8.00 pagi – 10.00 malam)</td></tr>
</table>